

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 16.12.2025 MASA: 6:00PTG

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' HJ BADERUL AMIN BIN ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN PELAN INDUK LANSKAP
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TARIKH / MASA / TEMPAT

18 DISEMBER 2025 (KHAMIS)
10:55 PAGI

DEWAN KENANGA, MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor
Setiausaha Bandaraya
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Puan Siti Fatimah Binti Ismail
Penolong Pengarah Kanan Mewakili Pengarah Landskap
Merangkap Penyelaras Pelancaran Pelan Induk Landskap Majlis
Bandaraya Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media , Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang
dihormati sekalian**

.....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia
MADANI

Alhamdulillah, saya merakamkan rasa syukur kerana dengan izin dan rahmat Allah SWT, kita dapat bersama-sama pada hari ini dalam satu majlis yang amat signifikan, iaitu pelancaran **Pelan Induk Landskap Majlis Bandaraya Seberang Perai**.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan sekalian,

Pelan Induk Landskap MBSP merupakan satu dokumen strategik jangka panjang yang dirangka bagi menyediakan kerangka perancangan, pembangunan dan pengurusan landskap bandar secara menyeluruh, sistematik dan mampan. Pelan ini bukan sekadar dokumen perancangan fizikal, tetapi merupakan manifestasi komitmen MBSP dalam membentuk persekitaran bandar yang seimbang antara pembangunan, kelestarian alam sekitar dan kesejahteraan rakyat.

Pelan ini berfungsi sebagai dokumen rujukan utama kepada semua pihak berkepentingan bagi memastikan elemen landskap diintegrasikan secara holistik dalam pembangunan fizikal, sosial dan alam sekitar di Seberang Perai. Ia selaras dengan **Agenda Hijau MBSP**, hala tuju

Corporate Priorities MBSP, serta komitmen kami terhadap **Matlamat Pembangunan Mampan atau Sustainable Development Goals (SDG)**.

Pelaksanaan Pelan Induk Landskap ini meliputi keseluruhan kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Seberang Perai, merangkumi kawasan bandar sedia ada, kawasan pembangunan baharu, taman bandar, ruang hijau awam, koridor sungai, kawasan rekreasi serta zon perumahan, komersial dan perindustrian. Pendekatan berasaskan wilayah ini amat penting bagi memastikan kesinambungan landskap dan rangkaian ekologi bandar dapat diwujudkan secara bersepadu dan berdaya tahan.

Pelan ini dirangka untuk tempoh **sepuluh tahun**, dengan pelaksanaan secara berfasa selaras dengan keupayaan kewangan, keutamaan pembangunan bandar serta keperluan semasa dan masa hadapan. Mekanisme semakan berkala akan dilaksanakan bagi memastikan pelan ini kekal relevan, praktikal dan berimpak tinggi.

Tuan-Tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

Pelan Induk Landskap ini diwujudkan sebagai respons terhadap cabaran pembangunan bandar masa kini, termasuk isu-isu alam sekitar, perubahan iklim, kehilangan biodiversiti serta keperluan terhadap penyediaan ruang hijau berkualiti. Melalui pelaksanaan pelan ini, MBSP berhasrat untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat dengan mewujudkan persekitaran bandar yang lebih selesa, sihat dan berdaya huni. Dalam masa yang sama, pelan ini turut memperkukuh daya tahan bandar terhadap impak

perubahan iklim dan menyokong aspirasi menjadikan Seberang Perai sebagai sebuah **bandar raya rendah karbon, mesra alam dan mampan**, selaras dengan SDG 11, SDG 13 dan SDG 15.

Justeru, pelaksanaan Pelan Induk Landskap ini memerlukan komitmen dan kerjasama strategik daripada pelbagai pihak. MBSP, melalui Jabatan Landskap, akan menerajui pelaksanaan ini dengan sokongan agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri, pihak pemaju, sektor swasta, badan bukan kerajaan, institusi profesional serta komuniti setempat. Pendekatan kolaboratif ini adalah kunci kepada kejayaan pelaksanaan dan pemilikan bersama oleh semua pihak.

Pelan ini akan dilaksanakan melalui pendekatan bersepadu yang merangkumi penggubalan dasar dan garis panduan teknikal landskap, penyelarasan dengan perancangan pembangunan fizikal, pelaksanaan projek landskap strategik, penglibatan pihak berkepentingan serta pemantauan dan penilaian berterusan. Di samping itu, MBSP turut menggalakkan penggunaan teknologi hijau, inovasi serta amalan terbaik landskap mampan bagi menyokong ekonomi hijau dan penciptaan peluang pekerjaan dalam sektor landskap dan penyelenggaraan bandar.

Akhir kata, saya yakin dan percaya bahawa Pelan Induk Landskap MBSP ini akan menjadi pemacu penting dalam membentuk wajah Seberang Perai sebagai sebuah bandar raya yang lebih hijau, berdaya tahan dan

berorientasikan kesejahteraan rakyat, demi kepentingan generasi kini dan masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.